

22 JAN 1998

PM: MALAYSIA TIADA MASALAH MUDAHTUNAI

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan Malaysia tidak menghadapi sebarang masalah mudahtunai tahun ini.

"Tiada sebarang sekatan kredit tahun ini, ia hanya berlaku tahun lalu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini.

"Kita mempunyai mudahtunai yang mencukupi di mana ketika ini berjumlah RM490 bilion," katanya.

"Sepatutnya tiada masalah dalam mendapatkan pinjaman," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa negara berdepan dengan masalah mudahtunai, Perdana Menteri berkata terdapat salah faham bahawa syarikat-syarikat mendapati sukar untuk mendapatkan pinjaman apabila hakikatnya ia adalah syarikat-syarikat yang terbabit dalam sektor tidak produktif. Kerajaan telah mengarahkan bank untuk menumpukan pinjaman kepada sektor produktif seperti perkilangan dan pertanian.

Bank-bank, katanya, mestilah berusaha menjelaskan mengenai perkara itu kepada orang ramai dan masyarakat peniaga.

Dr Mahathir juga berkata tiada keperluan untuk menyelamatkan syarikat meskipun dalam keadaan kesukaran ekonomi ketika ini.

Beliau berkata mesyuarat hari ini mengenalpasti beberapa bahagian dengan penumpuan ke atas menjamin mudahtunai dalam sistem perbankan.

Beberapa cadangan dibuat hari ini mengenai bagaimana untuk mengatasi masalah mudahtunai jika ia berlaku.

"Tetapi tiada satu pun yang dimuktamadkan, saya tidak boleh mendedahkannya," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan tidak akan memilih mana-mana syarikat... semua syarikat mesti dibantu.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan melindungi sesiapa. "Jika mereka mempunyai alasan-alasan yang sah, kami terpaksa mengkajinya."

Apabila ditanya mengenai sama ada Malaysia menjadi telus dalam dagangan mata wang, beliau berkata "Di Malaysia, ia telus."

Mengenai langkah-langkah lain yang dijalankan oleh kerajaan untuk memulihkan semula keyakinan pelabur atau sama ada ia telah melaksanakan secukupnya, beliau berkata "banyak yang telah dilakukan untuk memulihkan keyakinan pelabur...pelabur sangat yakin terhadap ekonomi Malaysia tetapi ia berbeza antara satu sama lain."

"Saya rasa pelabur-pelabur sangat yakin (terhadap langkah-langkah itu) dan kita telah melakukan perkara yang betul," katanya.

"...Ia bergantung kepada reaksi pelabur. Jika reaksi itu silap, bermakna (langkah yang diambil) adalah silap," tambahnya.

Beliau berkata: "Kita tidak tahu apa yang mencetuskan keyakinan...kerana ia berbeza antara satu sama lain. Kadang-kadang kita mungkin silap, tetapi kita akan melakukan yang terbaik untuk menyelesaikan (masalah dalam) struktur pasaran," katanya. -- BERNAMA

TEAM ZK MA